

# **BENGKEL KAJIAN SEMULA PROSES ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG DAN SEMAKAN SEMULA PU 5103 (PEMBANGUNAN KERJAYA)**

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3186-bengkel-kajian-semula-proses-anugerah-khidmat-cemerlang-dan-semakan-semula-pu-5103-pembangunan-kerjaya](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3186-bengkel-kajian-semula-proses-anugerah-khidmat-cemerlang-dan-semakan-semula-pu-5103-pembangunan-kerjaya)



IPOH, 15 Mac 18 – Bahagian Sumber Manusia (BSM) telah menganjurkan dua buah bengkel iaitu Bengkel Kajian Semula Proses Anugerah Khidmat Cemerlang (AKC) pada 13 Mac 18 dan juga Bengkel Semakan Semula PU 5103 (Pembangunan Kerjaya) mulai 14 hingga 15 Mac 18 bertempat di Hotel Syeun, Ipoh, Perak.

Bengkel Kajian Semula Proses AKC telah diadakan bagi mendapatkan maklumbalas hasil kajian awal yang telah diadakan pada bulan Feb 18 oleh BSM (Penyelidikan).

Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk memastikan proses pemilihan calon AKC

seiring dengan arus pembangunan organisasi. Bengkel yang dipengerusikan oleh AKS Sumber Manusia ini turut dihadiri oleh KS MAWILUD II, Komandan ATU, Pengarah Kejuruteraan, Pengarah Materiel, AKS A1 MAWILUD I, PS 2 Tadbir MPBU serta semua Pengarah dan PS 1 dari BSM.

Bengkel Semakan Semula PU 5103 (Pembangunan Kerjaya) pula diadakan bagi mengemaskini panduan pembangunan kerjaya seiring dengan dasar-dasar ATM yang baru agar ianya dapat dijadikan rujukan oleh pegawai dan anggota TUDM pada sebilang masa. Bengkel yang diketuai oleh AKS Sumber Manusia ini turut dijayakan oleh semua Pengarah dan PS 1 dari BSM serta PS 2 Rancang dari setiap cawang dan tred.

Kedua-dua bengkel ini telah berjaya mendapatkan input yang bernas lagi bermanfaat dari kesemua peserta dan ianya akan dimajukan ke pihak atasan. YBhg AKS Sumber Manusia telah merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat.